

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 10 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

---

MENGANGKAT SUMPAAH

---

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L13093

**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah buli di setiap universiti bagi memastikan kes seperti yang baru sahaja berlaku terhadap pelatih di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) tidak berulang, serta adakah pihak Kementerian telah mengenal pasti cara yang lebih efektif untuk mengesan kes buli di universiti.

2. PN-1533-L12508

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan pandangan terhadap kejayaan Kerajaan Negeri Sarawak dalam menubuhkan *Borneo Cultures Museum (BCM)* di Kuching dan apakah usaha-usaha yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mentransformasikan Muzium Negara menjadi sebuah muzium bertaraf dunia yang mampu meningkatkan imej negara, khususnya dalam persediaan untuk Tahun Melawat Malaysia 2026.

3. PN-1533-L13028

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah sekolah-sekolah vernakular di negara ini mengikuti sepenuhnya Dasar Pendidikan Kebangsaan dan ketatanegaraan dalam sukatan kurikulum dan kokurikulum mereka.

4. PN-1533-L12781  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi peruntukan bagi memperbaiki, memperindah dan merawat air sungai dan infrastruktur di Melaka kerana ia menjadi kawasan tumpuan dan tarikan pelancongan.
5. PN-1533-L12927  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan jangka panjang dan komprehensif untuk menangani isu warga emas yang terabai dan menderita.
6. PN-1533-L12540  
**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sejauh mana pemantauan Kementerian dalam menilai dan menambah baik perisian kawal selia undang-undang keselamatan data peribadi yang baharu bagi menangani krisis keselamatan global yang semakin membimbangkan, dalam suasana di mana kepercayaan rakyat terhadap keselamatan digital semakin terhakis akibat kebocoran data dan jenayah siber.
7. PN-1533-L13009  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kerajaan dalam memastikan seseorang individu mempunyai jumlah simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencukupi untuk membolehkan mereka menikmati kehidupan yang selesa selepas bersara pada umur enam puluh tahun.
8. PN-1533-L12830  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan jangka panjang Kementerian dalam membantu pekerja sektor Gig membina asas keselamatan sosial yang lebih kukuh, terutamanya dalam menghadapi persaraan dan keperluan perubatan sekaligus meningkatkan kesejahteraan pekerja.
9. PN-1533-L12465  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuka Fakulti Undang-Undang di mana-mana Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Sarawak dan apakah langkah yang perlu diambil supaya perkara ini dapat dilaksanakan.

10. PN-1533-L13082  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan dapat mempertimbangkan pemberian subsidi elektrik kepada Sabah kerana pembekal utiliti Sabah Electricity akan menghadapi masalah kewangan tanpa subsidi elektrik.
11. PN-1533-L12841  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah pelancong dari China yang telah melawat ke Malaysia selepas perjalanan tanpa visa dilaksanakan dan daripada jumlah tersebut berapakah telah melawat ke Sarawak.
12. PN-1533-L12906  
**Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah dasar dan regulasi khusus yang diguna pakai apabila sesebuah Pusat Data hendak dibangunkan.
13. PN-1533-L12607  
**Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam mempergiat program mencari kerja seperti ekspo pekerjaan dan latihan sumber manusia di kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak.
14. PN-1533-L12497  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menyokong pengusaha inap desa yang mempunyai kekurangan sumber berbanding dengan rantaian pengusaha besar yang lebih besar.
15. PN-1533-L12936  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat perancangan daripada Kementerian untuk menambah baik infrastruktur di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) SJKT terutamanya dalam bidang teknologi digital dan makmal sains bagi meningkatkan pencapaian akademik dan peluang pelajar India bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

16. PN-1533-L12734  
**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar terkini peningkatan penyakit pneumonia yang kini menyumbang sebagai punca utama kematian di Malaysia dan sejauh manakah penularan Covid-19 telah meningkatkan kerentanan kepada jangkitan bakteria terhadap rakyat negara ini sedangkan hampir keseluruhan daripadanya telah menerima vaksin.
17. PN-1533-L12404  
**Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan kaedah atau teknologi yang sedang dipertimbangkan oleh Kementerian untuk menguruskan pelupusan bateri Kereta Elektrik (EV).
18. PN-1533-L12817  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pemandu yang melanggar pelbagai peraturan jalan raya.
19. PN-1533-L13046  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keberhasilan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) bagi tahun 2023 dan 2024.
20. PN-1533-L12756  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah bajet yang diperuntukkan bagi membangunkan persatuan belia yang dilihat kian lesu dan semakin dilupakan dalam memperkasakan persatuan belia di seluruh negara.
21. PN-1533-L12616  
**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) statistik terkini rakyat Malaysia yang mengalami masalah kesihatan mental; dan
  - (b) apakah usaha yang diambil Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam berkenaan pentingnya menjaga kesihatan mental.

22. PN-1533-L12414

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) apakah pelan khusus Kementerian dalam menangani insiden penyeludupan diesel secara terancang; dan
- (b) sejauh manakah tindakan penguatkuasaan yang tegas telah diambil terhadap mana-mana sindiket yang didapati mengugut stesen minyak yang tidak menjual diesel dan petrol RON95 kepada warga asing.

23. PN-1533-L12383

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimanakah Kementerian berusaha untuk membuka pasaran baru bagi produk perladangan Malaysia di peringkat global serta apakah strategi yang diambil untuk meningkatkan eksport komoditi dan memastikan bahawa produk Malaysia diterima di pasaran antarabangsa.

24. PN-1533-L12888

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan takrif dan maksud 'mempunyai pengetahuan asas dalam bahasa Melayu' (Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan) dan 'mempunyai pengetahuan memadai dalam bahasa Melayu' (Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan) sebagai salah satu syarat permohonan kewarganegaraan, baik melalui proses pendaftaran mahupun naturalisasi.

25. PN-1533-L12455

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah permohonan Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) yang berjaya diluluskan di Sarawak; dan
- (b) bagaimana Kerajaan dapat memantau pelaksanaan Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) yang telah diluluskan agar program ini benar-benar memberi manfaat kepada semua penduduk yang terlibat.

26. PN-1533-L12868

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menangguhkan tarikh pelaksanaan e-Invois iaitu pada 1 Julai 2025 untuk semua syarikat tanpa mengira saiz memandangkan kos perniagaan yang semakin meningkat.

27. PN-1533-L13016

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah konsep Beras Putih Malaysia MADANI mampu mengawal kegiatan memanipulasi beras dan apakah penyelesaian terhadap kehilangan beras tempatan yang masih tidak berkesudahan sejak sekian lama.

28. PN-1533-L12850

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pencapaian inisiatif kelas renang untuk kanak-kanak masyarakat B40, kanak-kanak dan remaja Orang Kurang Upaya (OKU) serta warga emas yang telah dilaksanakan mengikut negeri dan apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk inisiatif ini dan cabaran-cabaran yang sedang diharungi untuk menjayakan inisiatif program ini di seluruh negara.

29. PN-1533-L12520

**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi menyegerakan proses pensijilan halal di peringkat negeri.

30. PN-1533-L12722

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah peningkatan nilai Ringgit Malaysia telah berhasil melonjakkan harga koko di pasaran dan memberi kesan positif kepada pendapatan pekebun tempatan khususnya; dan
- (b) apakah pelan jangka masa panjang Kementerian bagi memperkukuh industri koko negara khususnya dalam mempelbagaikan hasil koko daripada produk hiliran.

31. PN-1533-L13036

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status kumpulan ajaran sesat di negeri Terengganu terutamanya kumpulan Ayah Pin.

32. PN-1533-L12809

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan faktor utama yang menyebabkan kekurangan guru khususnya di sekolah-sekolah kawasan luar bandar atau pedalaman serta penyelesaian segera dan perancangan Kementerian untuk mengatasi ketidakseimbangan pengagihan guru di kawasan bandar dan luar bandar.

33. PN-1533-L12980

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah pembangunan pangkalan data Pangkalan Data Utama (PADU) yang menelan belanja sebanyak RM85.27 juta dapat memberi manfaat kepada rakyat memandangkan tiada bukti konkrit mengenai keberkesanannya.

34. PN-1533-L12596

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan menilai semula pengambilan pekerja asing dalam sektor kawalan keselamatan yang dilihat mempunyai masalah dari sudut komunikasi dan tidak memahami keadaan sekeliling.

35. PN-1533-L12991

**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan program advokasi demokrasi dalam kalangan anak muda khususnya yang bakal menjadi pengundi untuk Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

36. PN-1533-L12898

**Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha dan perancangan Kementerian dalam mewujudkan skim insurans pertanian di Malaysia serta apakah fokus Kementerian untuk memperluaskan insurans pertanian kepada tanaman selain padi seperti mana wujudkan Skim Takaful Tanaman Padi oleh Agrobank memandangkan risiko bencana alam ekoran perubahan iklim kian meningkat.

37. PN-1533-L13002

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengecualikan semua Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) daripada membayar cukai pendapatan.

38. PN-1533-L12945  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kementerian secara komprehensif terhadap serangan siber yang kini berlaku secara berleluasa dan terdapat sehingga mengakibatkan sebahagian mangsa kehilangan wang mereka dan apakah langkah untuk mengekang berulangnya serangan tersebut.
39. PN-1533-L12435  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah program latihan yang ditawarkan oleh Kementerian kepada generasi muda untuk memupuk minat dalam bidang pertanian serta melahirkan generasi petani yang berkemahiran tinggi.
40. PN-1533-L12663  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030) dapat membantu Kerajaan menilai semula projek-projek Perkongsian Awam-Swasta (PPP) agar tidak membebankan Kerajaan dari sudut fiskal.
41. PN-1533-L13056  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah agresif Kerajaan dalam memantau syarikat-syarikat pengeluaran beras supaya tidak berlaku sindiket penukaran beras tempatan kepada beras import.
42. PN-1533-L12710  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelan tindakan bersepadu daripada Kementerian dalam menangani jenayah penyeludupan menggunakan laluan terowong bawah tanah atau terowong palsu di kawasan sempadan negara.
43. PN-1533-L12700  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status kemajuan dalam usaha Kerajaan dalam membangunkan karbon hutan dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi.

44. PN-1533-L12588

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah jaminan dari Kementerian agar harga barangan tidak akan meningkat untuk tempoh tahun 2024 hingga tahun 2025; dan
- (b) apakah mekanisme dan formula untuk menangani masalah kenaikan harga yang melampau dan tidak masuk akal.

45. PN-1533-L12627

**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan masih tetap untuk meneruskan rancangan penjualan saham *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) kepada syarikat Global Infrastructure Partners (GIP) yang kini sudah secara sah menjadi milik syarikat *BlackRock* yang merupakan pelabur kepada syarikat pengeluar senjata kepada Israel.

46. PN-1533-L12635

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) statistik jumlah pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ke luar negara mengikut negara antara tahun 2010 hingga tahun 2024; dan
- (b) statistik jumlah pelajar tajaan JPA ke luar negara yang telah tamat pengajian dan kemudian berkhidmat di dalam sektor awam dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) antara tahun 2010 hingga tahun 2024.

47. PN-1533-L12356

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengatasi masalah pengedaran dan penagihan dadah di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah yang dilihat semakin ketara yang boleh menyebabkan masalah sosial yang kritikal dan salah satu tempat tersebut adalah di Saratok.

48. PN-1533-L12393

**Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan mendapatkan peruntukan dana sebanyak RM 10 bilion untuk kenaikan gaji bagi para penjawat awam dan apakah jaminan bahawa sumber tersebut bukan dengan cara berhutang dan ia tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi serta tidak membawa negara ke arah bankrap.

49. PN-1533-L12554  
**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan respons Kementerian berhubung kadar preskripsi antibiotik di Malaysia adalah yang tertinggi di Asia iaitu sebanyak 44 peratus dan apakah inisiatif terbaharu Kementerian dalam menangani salah faham mengenai penggunaan antibiotik berlebihan yang boleh mengancam sistem penjagaan kesihatan rakyat Malaysia.
50. PN-1533-L12579  
**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pelan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian untuk memantau pembangunan bandar dan pinggir bandar dengan mengambil kira risiko seperti banjir dan tanah runtuh.
51. PN-1533-L12424  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memastikan kerjasama di antara pihak Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam, Imigresen dan penguatkuasa-penguatkuasa lain yang terlibat untuk membanteras aktiviti penyeludupan barangan kawalan dan barangan larangan yang semakin berleluasa di kawasan sempadan antara Sabah dan Indonesia.
52. PN-1533-L12445  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah segera yang diambil oleh Kementerian untuk menangani kesesakan di wad-wad hospital utama terutamanya di kawasan yang padat penduduk dan apakah pelan jangka panjang untuk meningkatkan kapasiti hospital.
53. PN-1533-L12971  
**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah asas Kementerian untuk menghentikan penggunaan Kenderaan Gas Asli (NGV) mulai Julai tahun 2025 serta apakah strategi Kementerian untuk membantu industri dan pengguna NGV beralih kepada alternatif tenaga hijau yang lain dan adakah terdapat inisiatif bagi memantau kesan pengurangan karbon akibat daripada langkah ini.
54. PN-1533-L12772  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha yang giat dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menjadikan sukan bola sepak, sepak takraw, bola keranjang, badminton, dan futsal sebagai sukan utama serta memperkasakan kegiatan sukan ini di peringkat daerah dan negeri bagi golongan belia di seluruh negara.

55. PN-1533-L12795

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah data untuk enam *Energy Transition Level* dan pencapaian untuk 21 matlamat dalam Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) selepas setahun dan apakah pencapaian dari segi keselamatan tenaga, ekuiti tenaga, pembangunan ekonomi dan pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) setakat ini.

56. PN-1533-L12918

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini yang berkaitan dengan resolusi Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia - Integriti, Governans dan Antirasuah agar mengutamakan Akta Kebebasan Maklumat (FOI) untuk memperkukuh transformasi undang-undang lain yang berkaitan dengan integriti, tatakelola dan antirasuah.

57. PN-1533-L12575

**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan yang sedang ditumpukan oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru berkemahiran yang boleh mengajar setiap subjek bagi setiap aliran di semua sekolah luar bandar dan bandar di seluruh negeri Sabah menjelang permulaan penggal persekolahan tahun 2025.

58. PN-1533-L12373

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan pengawalan sempadan yang berkesan untuk mengekang penyeludupan dan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan apakah teknologi atau pendekatan terkini yang digunakan untuk memperkuatkan pemantauan di sempadan negara.

59. PN-1533-L12742

**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan yang dirangka oleh pihak Kementerian dalam membantu menangani isu masalah harga tiket penerbangan domestik yang mahal terutama bagi laluan penerbangan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak.

60. PN-1533-L12564

**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendekatan Kementerian yang digunakan untuk menjejaki mangsa gangguan seksual dari kalangan wanita yang selama ini membisu tanpa melaporkan perbuatan jenayah tersebut kepada pihak berkuasa atau Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) yang ditubuhkan di bawah Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840).

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.45/2024 ) Rang Undang-undang Perbekalan 2025 -  
**Menyambung semula Perbincangan atas masalah**  
  
**(9 Disember 2024)**  
  
**[ Menteri Kewangan ]**  
  
**Bacaan Kali Kedua**
2. \*( D.R.48/2024 ) Rang Undang-undang Kewangan 2024  
  
**[ Menteri Kewangan ]**  
  
**Bacaan Kali Pertama**
3. \*( D.R.49/2024 ) Rang Undang-undang Langkah-Langkah  
Bagi Pemungutan, Pentadbiran dan  
Penguatkuasaan Cukai 2024  
  
**[ Menteri Kewangan ]**  
  
**Bacaan Kali Pertama**
4. \*( D.R.50/2024 ) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti  
Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024  
  
**[ Menteri Kewangan ]**  
  
**Bacaan Kali Pertama**
5. \*( D.R.43/2024 ) Rang Undang-undang Industri  
Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024  
  
**[ Menteri Peralihan Tenaga dan  
Transformasi Air ]**  
  
**Bacaan Kali Pertama**

6. \*( D.R.19/2024 ) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
7. \*( D.R.18/2024 ) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
8. \*( D.R.20/2024 ) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
9. \*( D.R.44/2024 ) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Menteri Pengangkutan ]**
10. \*( D.R.46/2024 ) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Menteri Sumber Manusia ]**

---

\*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.